

BAHAGIAN A
[60 markah]
Jawab semua soalan

- 1 (a) Nyatakan **satu** jenis dokumen sumber dan **satu** jenis dokumen bukan sumber yang digunakan dalam urusniaga kredit

[2 markah]

- (b) Berikan **dua** sebab berlakunya pembubaran perkongsian

[2 markah]

- (c) Kelab Futsal Jaguh bertempat di Taman Sri Tembesu telah menerima hasil sewaan gelanggang futsal daripada penduduk sekitar. Kelab juga menerima sumbangan tunai bagi tujuan membeli loker yang baharu.

Nyatakan **dua** kategori sumber hasil kelab tersebut

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut dipetik daripada buku perakaunan Suria Trading pada 30 Jun 2023:

Suria Trading
Penyata Kedudukan kewangan pada 30 Jun 2023

	RM Kos	RM Susutnilai Terkumpul	RM Nilai Buku
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Kenderaan	20 000	4 500	15 500

Maklumat tambahan :

Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas nilai buku

Hitung susut nilai kenderaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut berkaitan dengan belanjawan tunai:

	RM
Baki awal	12 309
Jumlah penerimaan	30 745
Jumlah pembayaran	22 375

Hitung lebihan atau kekurangan

[2 markah]

- 2 Encik Nizam pemilik Perniagaan Alatulis Nizam yang beroperasi di Nilai, Negeri Sembilan. Baki berikut diambil daripada buku perniagaannya pada;

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Lengkapan	18 000	17 000
Inventori	17 600	16 250
Akaun Belum Terima	9 600	7 850
Peruntukan hutang ragu	384	Perlu dikira
Sewa prabayar	1 200	600
Utiliti belum bayar	350	400
Akaun Belum Bayar	3 820	3 990

Ringkasan Akaun bank pada 30 Jun 2024 adalah seperti berikut:

Akaun Bank			
	RM		RM
Baki	34 370	Belian	4 480
Jualan	23 470	Lengkapan	2 000
Akaun Belum Terima	63 100	Akaun Belum Bayar	30 200
		Gaji	18 000
		Insurans	1 800
		Utiliti	3 750
		Sewa	6 600
		Angkutan masuk	210
		Akaun Belum Terima	450

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan belian RM270
- (ii) Pulangan jualan RM150
- (iii) Diskaun RM2 560 diberikan kepada pelanggan
- (iv) Diskaun RM1 230 diterima daripada pembekal
- (v) Angkutan masuk RM800 yang dikenakan oleh pembekal belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vi) Seorang pelanggan diisytiharkan mufis dan hutangnya RM1 200 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 4% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [7 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [6 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [12 markah]

3. Aira dan Aina merupakan pekongsi Sister's Secret CampPark yang menjalankan perniagaan menjual peralatan perkhemahan di Kuala Nerus, Terengganu.

Berikut adalah Ikatan Perjanjian Perkongsian yang telah dipersetujui;

- i Faedah atas odal 5 % setahun.
- ii Faedah atas ambilan 3% setahun.
- iii Gaji bulanan Aira adalah RM1 000 dan Aina RM800
- iv Faedah atas pinjaman pekongsi mengikut Akta Perkongsian 1961
- v Faedah atas pinjaman pekongsi mengikut mengikut Akta Perkongsian 1961
- vi Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal pekongsi.

Sister's Secret CampPark
Imbangan Duga pada 31 Mac 2024

	Debit (RM)	Kredit(RM)
Pada 1 April 2023:		
Modal Aira		40 000
Modal Aina		20 000
Akaun Semasa Aira	1 500	
Akaun Semasa Aina		2 200
Pinjaman Aira (1 Januari 2024)		20 000
Ambilan Aira (1 Julai 2023)	5 200	
Ambilan Aina (1 Oktober 2023)	3 000	
Gaji Aira	12 000	
Gaji Aina	8 800	
Kenderaan	65 000	
Susutnilai terkumpul kenderaan		12 350
Lengkapan kedai	25 000	
Susutnilai terkumpulengkapan kedai		5 000
Bank	38 450	
Tunai	2 538	
Akaun Belum Terima	9 500	
Akaun Belum Bayar		8 550
Peruntukan Hutang Ragu		290
Inventori pada 31 Mac 2024	22 590	
Untung bersih		85 188

Maklumat tambahan :

- i. Kadar bayaran belum bayar RM650
- ii. Insurans prabayar RM420
- iii. Komisen belum terima RM800
- iv. Faedah atas pinjaman Aira tertinggal catat
- v. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima Bersih

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata pelarasan untung bersih bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

[6 markah]

- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2024.

[5 markah]

- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan)

[6 markah]

- (d) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2024

[8 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan sahaja.

- 4(a) Butik D'Honey telah dibuka oleh Puan Hani Karmila pada 1 Januari 2024 di Klang, Selangor.

Bermodalkan wang simpanan berjumlah RM20 000, beliau telah memasukkan wang ke dalam bank perniagaan sebanyak RM19 500 dan baki RM500 sebagai tunai ditangan.

Sepanjang bulan Januari 2024, urusniaga Butik D'Honey ditunjukkan oleh dokumen berikut.

ASAL	BIL TUNAI	Inv 0133		
	Pembekal May			
	No 13, Jalan Sentosa			
	41000 Klang, Selangor			
	03-3321 5318			
Kepada;		Tarikh : 2 Januari 2024		
Butik D'Honey				
No 22, Bangunan Wawasan				
42100 Klang, Selangor.				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Rak pameran	2	1 000.00	2 000.00
2	Set kerusi dan meja	1	1 500.00	1 500.00
			Jumlah	3 500.00
(Ringgit : Tiga Ribu Lima Ratus Sahaja)				
Tunai/No Cek : MBB 111001				
<u>Hani</u>				<u>May</u>
Penerima				Pengurus

Dokumen 1

Asal

INVOIS

A1169

Amna Trading
No 40, Plaza Mega
41000 Klang, Selangor
03-3371 1322

Kepada;
Butik D'Honey
No 22, Bangunan Wawasan
42100 Klang, Selangor.

Tarikh : 4 Januari 2024

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Baju kurung moden	50	50.00	2 500.00
2	Baju kurung pesak	50	30.00	1 500.00
3	Baju kurung riau	50	40.00	2 000.00
				6 000.00
Tolak : Diskaun Niaga 10%				(600.00)
				5 400.00

(Ringgit Malaysia : Lima Ribu Empat Ratus Sahaja)

Syarat : 10% 7 hari, 5% 15 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K & K diK

Hani
Penerima

Amna
Pengurus

Salinan

BIL TUNAI

DH001

Butik D'Honey
No 22, Bangunan Wawasan
42100 Klang, Selangor.
03-33721138

Kepada;
Puan Zalinda
Lot 211 Kompleks Maju
40160 Shah Alam, Selangor

Tarikh : 8 Januari 2024

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Baju kurung moden	20	90.00	1 800.00
2	Baju kurung pesak	10	70.00	700.00
3	Baju kurung riau	25	80.00	1 600.00
Jumlah				4 100.00

(Ringgit : Empat Ribu Satu Ratus Sahaja)

Tunai/No Cek : BMB 110043

Zalinda
Penerima

Hani
Pengurus

Dokumen 3

Tarikh	:	10 Januari 2024
Penerima	:	Amna Trading
Untuk	:	Menjelaskan keseluruhan invois A1169
Baki akhir		16 000 00
Deposit		4 100 00
Jumlah		21 100 00
Cek ini		4 860 00
Baki		15 240 00
MBB111002		

Dokumen 4



Salinan

BIL TUNAI

DH001

Butik D'Honey
No 22, Bangunan Wawasan
42100 Klang, Selangor.
03-33721138

Kepada;
Puan Mastura
No 4 Jalan Selasih
42100 Klang, Selangor

Tarikh : 15 Januari 2024

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Baju kurung moden	10	90.00	900.00
2	Baju kurung pesak	15	70.00	1 050.00
3	Baju kurung riau	10	80.00	800.00
Jumlah				2 750.00

(Ringgit : Dua Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Sahaja)

Tunai / No Cek :

Mastura
Penerima

Hani
Pengurus

BAUCAR PEMBAYARAN			BP001
Butik D'Honey No 22, Bangunan Wawasan 42100 Klang, Selangor. 03-33721138			
Kepada: Cik Adriana binti Suffian		Tarikh : 25 Januari 2024	
Bil	Keterangan	Jumlah (RM)	Tandatangan Penerima
1	Gaji bulan Januari 2024	1 500.00	<i>Adriana</i>
Jumlah		1 500.00	

(Ringgit : Satu Ribu Lima Ratus Sahaja)

RM 1 500.00

Tunai / No Cek :

Mastura
 Penerima

Hani
 Pengurus

Dokumen 6

MALAYSIA BANK BERHAD		
Malaysia Bank Berhad (7754-M)		
REKOD URUSAN : DEPOSIT		
JUMLAH	TARIKH	MASA
RM1250.00	30/01/2024	10.37 AM
DARI	KEPADA	TEMPAT
	LAIN-LAIN AKAUN	KLANG
NOMBOR AKAUN = 5510976520351-6		
RM5 = 0	RM10 = 0	
RM50 = 5	RM100 = 10	
SILA SIMPAN PENYATA UNTUK REKOD ANDA TERIMA KASIH KERANA BERURUSAN DENGAN KAMI		
RETAIN STATEMENT FOR YOUR RECORD THANK YOU FOR BANKING WITH US		

Dokumen 7

Anda dikehendaki merekodkan dokumen yang berkaitan ke dalam Buku Tunai tiga lajur.

[10 markah

- 4 (b) Penyata bank Perniagaan Badrul menunjukkan baki yang berbeza dengan baki di Buku Tunai pada 28 Febuari 2024

Buku Tunai (ruangan bank Sahaja)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No Cek	Jumlah
2024		RM	2024			
Feb 1	Baki b/b	2 150	Feb 3	Sewa	217612	1 900
6	Jualan	6 300	5	Ali Trading	217613	2 750
9	Amin	3 200	7	Belian	217614	6 680
14	Roza	4 500	22	Pembekal MM	217615	3 780
20	Abdul	1 900	27	Gaji	217616	1 600
27	Nana	1 200	29	Baki h/b		2 540
		19 250				19 250

PENYATA BANK

Tarikh	Butir	No cek	Debit	Kredit	Baki
2024					
Feb 1	Baki				3 700
	Cek	217611	1 550		2 150
5	Cek	217612	1 900		250
8	Deposit			6 300	6 550
11	Cek	217614	6 680		(130)
13	Deposit			3 200	3 070
15	Buku cek		30		3 040
16	Deposit			5 400	8 440
17	Insurans		450		7 990
18	Dividen			1 300	9 290
30	Cek	217616	1 600		7 690

Maklumat tambahan:

- (i) Cek daripada Roza tersilap rekod di Buku Tunai
- (ii) Cek daripada Abdul yang dideposit pada 20 Febuari 2024 dipulangkan oleh bank dengan catatan “Rujuk Pesuruh Bayar”

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 29 Febuari 2024

(bermula baki di Buku Tunai)

[10 markah]

- 5 (a) Kilang Kerepek Jamal baru memulakan operasi pada 1 Mei 2023 di Tanah Merah, Kelantan. Maklumat berikut diperolehi dari buku perniagaan kilang yang berakhir pada 30 April 2024

	RM
Belian bahan langsung	85 500
Angkutan masuk	2 300
Sewa kilang	16 400
Kadar bayaran	9 500
Logi dan mesin	55 000
Upah tak langsung	23 200
Upah langsung	34 000
Pulangan keluar	1 320
Pulangan masuk	1 700
Insurans kilang	4 200
Paten	2 000
Promosi	570
Jualan	107 000

Maklumat tambahan

- i. Inventori pada 30 April 2024:

	RM
Bahan langsung	8 340
Barang siap	5 790
Kerja dalam proses	3 410

- ii. Loji dan mesin disusutnilaikan paa kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- iii. Kadar bayaran diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1
- iv. Insurans kilang dibayar untuk tempoh setahun berakhir 31 Mei 2024

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 April 2024.

[10 markah]

- 5 (b) Data berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil perniagaan Moon Trading pada pelbagai peringkat keluaran produk.

Jumlah kos (RM)	120 000	240 000	360 000
Jumlah hasil (RM)	0	270 000	540 000
Unit keluaran (unit)	0	6 000	12 000

Kos tetap diandaikan malar

Anda dikehendaki menghitung:

- i. Kos berubah seunit
[2 markah]
- ii. Harga Jualan seunit
[2 markah]
- iii. Titik pulang modal
[2 markah]
- iv. Jumlah produk yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM40 000
[2 markah]
- v. Titik pulang modal yang baru jika kos berubah seunit bertambah sebanyak RM1
[2 markah]

- 6 (a) Pada 1 Ogos 2023, Syarikat Kancil Berhad telah menerbitkan 6 000 000 unit Syer Biasa yang berilai RM1.50 setiap syer dan 2 500 000 unit 8% Syer Keutamaan yang bernilai RM2.40 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Ogos 2023. Tempoh perakaunan perniagaan berakhir 31 Julai setiap tahun.

Oleh kerana keuntungan perniagaan yang amat menggalakkan, pada 1 Febuari 2024, Syarikat telah membayar dividen interim sebanyak 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Pada 31 Julai 2024, Syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 12 sen kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

i. **merekod**

- (a) Akaun Permohonan Syer Biasa dan Akaun Permohonan Syer Keutamaan.

[4 markah]

- (b) Akaun Modal Syer Biasa dan Akaun Modal Syer Keutamaan.

[2 markah]

ii. **mengira**

- (a) Dividen interim

[2 markah]

- (b) Dividen akhir

[2 markah]

- 6 (b) Pada 31 Ogos 2024, Syarikat Bibiyana telah mengesan beberapa kesilapan dalam bukunya.

Berikut adalah kesilapan-kesilapan berikut:

- i. Kos angkutan untuk barangniaga yang telah dibeli RM950 telah dicatat dengan betul dalam Buku Tunai tetapi direkodkan sebagai angkutan keluar.
- ii. Belanja membaiki kenderaan RM650 telah didebitkan ke Akaun Kenderaan.
- iii. Jualan barang niaga RM2 430 kepada Perniagaan Benny telah dicatat dalam Ben Interprise
- iv. Pinjaman bernilai RM50 000 yang diterima, telah digunakan untuk membeli kenderaan perniagaan RM40 000 dan bakinya digunakan untuk membeli barangniaga. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- v. Nota Kredit RM80 daripada Akaun Belum Bayar telah didebitkan dalam Akaun Pulangan Keluar dan dikreditkan dalam Akaun Belum Bayar.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan tersebut (keterangan tidak diperlukan)

[10 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT